

Keberanian korban nyawa wajar disanjung

Sejak 55 tahun merdeka, inilah kali pertama negara berdaulat Malaysia diceroboh oleh pengganas Sulu. Kedaulatan negara dicabul sewenang-wenangnya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Kematian anggota pasukan keselamatan negara sebelum dan ketika misi Ops Daulat menyentuh hati setiap lapisan masyarakat negara ini. Rentetan daripada peristiwa ini menampakkan kesatuan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Berkorban nyawa

Di samping berbangga dengan keberanian wira yang sanggup berkorban nyawa, maruah, harta dan keluarga, sikap prihatin masyarakat Malaysia terhadap tragedi hitam itu jelas terserlah. Sumbangan pelbagai pihak kepada tabung pahlawan negara meringankan beban mangsa mahupun keluarga mangsa.

Pemergian perajurit negara diratapi seluruh rakyat Malaysia. Mereka adalah wira negara yang tiada gantinya. Pemergian mereka menghadap Tuhan adalah satu kehilangan dan pengorbanan yang tidak ternilai. Kesetiaan mereka kepada raja dan negara tidak pernah luntur walau di mana mereka bertugas. Matinya pejuang disanjung tinggi, gugurnya pahlawan syahid di jalan Allah.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memutuskan anggota keselamatan beragama Islam yang terkorban itu tergolong dalam 'Syahid Akhirat'. Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Profesor Emeritus Tan Sri Abdul Shukor Husin, berkata jawatankuasa berpandangan kematian pahlawan negara dalam mempertahankan keselamatan rakyat dan negara sangat mulia di sisi agama.

Ulama bersepakat mengatakan bahawa mempertahankan negara adalah fardu ke atas setiap umat Islam, manakala menderhaka dan mengkhianati negara adalah dosa besar. Perginya wira negara beriimpak besar kepada individu, masyarakat dan negara.

Kenang jasa

Sewajarnya rakyat Malaysia memperingati dan mengenang segala pengorbanan pejuang negara. Tidak kira sama ada pejuang negara Lahad Datu mahupun Semiporna, malahari tidak merupakan pejuang tanah air terdahulu. Sambutan Hari Pahlawan diadakan setiap tahun antarlangkah yang tepat bagi mengenang jasa perajurit tanah air.

Selain itu, langkah kerajaan meningkatkan gaji baru dan kenaikan pangkat anggota dan pegawai polis serta tentera adalah suatu perkara baik dan wajar dilaksanakan kerana setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

Zawani

UJ/M

“
Kesetiaan mereka kepada raja dan negara tidak pernah luntur walau di mana mereka bertugas.”